

KPKT sumbang kepada penduduk yang tinggal di Shah Alam, Selangor

80,000 liter air percuma diagih

Oleh SUHANA MD. YUSOP
dan ABDUL RAZAK IDRIS

SHAH ALAM – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengagihkan sebanyak 80,000 liter air bersih kepada penduduk di dua kawasan di bandar raya ini semalam yang menghadapi masalah gangguan bekalan air sejak Selasa lalu.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, bantuan tersebut adalah inisiatif pihaknya dan UMNO Bahagian Shah Alam dalam membantu masyarakat di Seksyen 7 dan Seksyen 17 yang terjejas teruk berikutan ketiadaan air.

“Sebanyak tiga buah lori tangki yang berkapasiti 60,000 liter air bersih diagihkan ke Seksyen 17 manakala sebuah lagi lori tangki dihantar ke Seksyen 7.

“Dalam operasi agihan air

bersih ini, kita turut meminta bantuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dari Bentong, Pahang dan Melaka,” katanya ketika ditemui pada Program Khidmat Pemberian Air JBPM Selangor di sini semalam.

Turut hadir Ketua UMNO Bahagian Shah Alam, Datuk Azhari Shaari dan Ketua Pemuda UMNO Bahagian Shah Alam, Datuk Ahmad Mua'adzam Shah Yaakop.

Kosmo! semalam melaporkan gangguan bekalan air yang melibatkan lebih dua juta pengguna di Lembah

Klang sejak Selasa lalu dijangka berlarutan sehingga esok berikutan Sistem Mampatan Udara di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3), Ijok, Selangor pecah.

Bagaimanapun, Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) menyatakan, bekalan air akan



PENDUDUK mengambil bekalan air yang dihantar menggunakan sebuah lori tangki di Flat Sri Nilam, Ampang, Selangor semalam.

2 juta pengguna terus sengsara kerana tiada air

GANGGUAN bekalan air ekoran Sistem Mampatan Udara di Loji Rawatan Air SSP3, Ijok, Selangor pecah pada Rabu lalu terus meresahkan lebih dua juta

KERATAN Kosmo! semalam.



NOH (dua dari kanan) membantu penduduk mengisi air ke dalam baldi di Tapak Pasar Malam Seksyen 17, Shah Alam semalam.

pulih secara berperingkat-peringkat apabila kerja-kerja pembaikan melibatkan lima batang paip bersaiz 1,100 meter di loji itu yang pecah siap.

Sementara itu Azhari memberitahu, pihaknya menerima

banyak permintaan daripada penduduk melalui panggilan telefon dan media sosial seperti Facebook yang memohon bantuan bekalan air bersih sejak tiga hari lalu.

Katanya, pihaknya menye-

diakan sebanyak 1,000 botol air berkapasiti lima liter untuk disumbangkan kepada orang ramai di kawasan tersebut.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyatakan bahawa kemalangan yang berlaku di SSP3, merupakan punca berlaku gangguan bekalan air yang dihadapi lebih dua juta pengguna sejak Selasa lalu.

“Gangguan itu berlaku disebabkan kemalangan di luar jangka di SSP3 apabila sistem mampatan udara di loji berkenaan pecah sebaik sahaja kerja-kerja pembaikan selesai dilakukan Syarikat Pengeluar Air Selangor Sdn. Bhd. (Splash),” katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Sempadan antara Selangor dan Pahang di sini semalam.

Katanya, beliau terpaksa meminta pertolongan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi memberi kebenaran kepada kerajaan negeri dan Air Selangor untuk membantu Splash membaiki kerosakan di loji berkenaan.